



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2, PERSIARAN PERDANA,  
PRESINT 4,  
62100 W.P. PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5555  
Fax : 03-8891 5557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : pro@kpkt.gov.my

---

Fail: ( 3) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 23 November 2011

## SIARAN MEDIA

### TANDAS BERSIH KE ARAH PEMBANGUNAN, KESIHATAN DAN PENGGALAKAN PELANCONGAN.

**MELAKA, 23 NOVEMBER 2011-** YAB. Datuk Seri Haji Mohd Ali Bin Haji Mohd Rustam ,Ketua Menteri Melaka merasmikan Sambutan Hari tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan 2011 pada pagi ini.Negeri Melaka merupakan Tuan Rumah kepada Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan pada tahun ini.

Majlis Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti Kempen Tandas Bersih yang dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Kerajaan tempatan. Sambutan ini bertujuan bagi mengingatkan rakyat mengenai amalan penjagaan tandas yang baik dan bersih dan seterusnya meningkatkan imej kebersihan tandas awam di Negara kita.

Atas inisiatif Pertubuhan Tandas Sedunia atau World Toilet Organisation, sambutan Hari Tandas Sedunia telah bermula pada tahun 2001. Tahun ini merupakan sambutan untuk kali yang ke-10. Tema Sambutan Hari Tandas Sedunia 2011 secara global ialah "*Toilet Civilizations' - Health, Tourism, Quality of Life*". Namun bagi Peringkat Kebangsaan di negara ini, tema tersebut telah diubah bersesuaian dengan maksudnya. iaitu '*Tandas Bersih Ke Arah Pembangunan, Kesihatan & Penggalakan Pelancongan*'.

Menurut Chor, selain menyedarkan masyarakat dunia mengenai amalan penjagaan kebersihan tandas yang baik, ia juga bertujuan mengingatkan penghuni bumi mengenai krisis sanitasi di sesetengah negara yang kurang maju. Hasil kajian Professor Jenna Davis daripada Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar,

Universiti Stanford Amerika Syarikat, menunjukkan kira-kira 40% (2.6 Bilion) populasi dunia masih tidak mempunyai akses kepada kemudahan tandas asas.

Di negara-negara yang kurang membangun, kadar peningkatan akses kemudahan tandas asas hanya meningkat sebanyak 7% dalam tempoh dari tahun 1990 sehingga 2008. Manakala senario yang amat menarik diperhatikan di sesetengah Negara-Negara sedang membangun, yang mencatatkan kadar peningkatan tahap kemudahan sanitasi yang jauh lebih rendah berbanding kadar peningkatan penembusan penggunaan telefon bimbit. Misalnya di Tanzania, separuh daripada penduduknya memiliki telefon bimbit, namun hanya 24% daripada rakyatnya mempunyai akses kepada kemudahan tandas asas.

Senario dan perkembangan dunia sedemikian telah menarik perhatian pihak United Nations Millennium Task Force for Water and Sanitation untuk mendalami isu ini. Selain itu, badan-badan bukan kerajaan seperti Tabung Bill and Melinda Gates juga telah memperuntukan sebahagian besar peruntukan dalam tabung amal mereka untuk tujuan penyelidikan teknologi tandas dan sanitasi dapat diaplikasikan di Negara-negara yang memerlukan.

Semenjak negara mencapai kemerdekaan, Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk memastikan setiap isi rumah bukan sahaja mempunyai tandas malahan dilengkapi sistem pembentungan yang baik serta berupaya memastikan pengendalian sisa-sisa pembentungan secara bersih dan selamat.

Chor turut meluahkan harapan yang tinggi agar semua PBT di Malaysia yang bertindak sebagai 'lead agencies' akan turut menjalankan aktiviti Kempen Tandas Bersih di peringkat PBT masing-masing bagi menyemai dan mengingatkan rakyat untuk mengikis sikap pentingkan diri sendiri semasa menggunakan tandas awam serta memastikan penjagaan kebersihan tandas dan mengamalkan etika penggunaan tandas yang betul. Kempen Tandas Bersih ini pasti akan membuahkan hasil yang memberangsangkan sekiranya semua pihak termasuklah Ahli Majlis, NGO serta penduduk setempat bersatu bagi menyokong kempen ini.

Anugerah Tandas Bersih, Pameran kesihatan dan kebersihan tandas awam dan disertai pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Di sebelah tengah hari pula, Seminar Kebersihan Tandas Awam 1Malaysia diadakan. Ianya melibatkan penyertaan Pihak Berkuasa Tempatan, hospital, pengurusan hotel serta kontraktor pembersihan dari seluruh Malaysia.

Turut hadir bagi majlis ini adalah YAB. Datuk Seri Haji Mohd Ali Bin Haji Mohd Rustam (Ketua Menteri Melaka), YB. Datuk Seri Panglima Haji Lajim Bin Haji Ukin (Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan YBhg. Dato' Ahmad Bin Haji Kabit (Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

\_\*\_\*\_\*\_\*\_

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)

**LAMPIRAN**

## **LATARBELAKANG SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA**

- Disambut sejak tahun 2001 (19 November)
- Atas inisiatif Pertubuhan Tandas Sedunia (*World Toilet Organization, WTO*) yang begitu prihatin terhadap kurangnya perhatian manusia sejagat ke atas aspek-aspek penjagaan kebersihan dalam kehidupan seharian.
- Hampir 2.6 billion manusia di seluruh dunia tinggal di kawasan dengan sistem sanitasi yang tidak sempurna dan menjadikan mereka membuang air di kawasan-kawasan terbuka, sungai-sungai serta kawasan-kawasan berhampiran tempat tinggal serta kawasan punca makanan dan air.
- Dianggarkan 1.8 juta manusia yang kebanyakannya terdiri daripada kanak-kanak, mati dan menderita akibat penyakit bawaan makanan dan air setiap tahun.

## **OBJEKTIF & TEMA SAMBUTAN**

- Memberi kesedaran kepentingan sanitasi tandas yang bersih dalam kehidupan manusia serta memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai budaya tandas bersih.
- Hampir 60 negara di seluruh dunia menyambut Hari Tandas Sedunia termasuk Malaysia.
- Tema Sambutan Hari Tandas Sedunia 2011 secara global ialah "*Toilet Civilizations' - Health, Tourism, Quality of Life*".
- Di Peringkat Kebangsaan di negara ini, tema tersebut telah diubah bersesuaian dengan maksudnya. iaitu '*Tandas Bersih Ke Arah Pembangunan, Kesihatan & Penggalakan Pelancongan*'.

## **SAMBUTAN HARI TANDAS PERINGKAT KEBANGSAAN 2011**

- Sambutan ini merupakan sebahagian daripada program Kempen Tandas Bersih yang telah dijalankan sejak tahun 2001 bagi mencapai sasaran sifar tandas kotor di Malaysia menjelang tahun 2020.
- Sasaran ini adalah bertepatan dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang cantik, menarik dan bersih dalam segala aspek termasuklah kemudahan tandas awam.
- Isu kebersihan tandas ini kelihatan sebagai perkara biasa tetapi amat perlu diberi perhatian kerana ia mempunyai implikasi yang besar ke atas kesihatan, kebersihan persekitaran serta ekonomi negara khususnya melalui aktiviti perlancongan

## **OBJEKTIF HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2011**

- i. Menyambut Hari Tandas Sedunia sebagai satu tanda peringatan dan penghargaan kepada tandas yang menjadi keperluan penting di dalam hidup manusia setiap hari;.
- ii. Menanam semangat cintakan tandas di kalangan rakyat Malaysia sekaligus meningkatkan kesedaran terhadap betapa pentingnya menjaga kebersihan tandas dan menyelenggara tandas supaya dalam keadaan baik; dan
- iii. Meningkatkan imej kebersihan tandas awam di seluruh Malaysia.

## **ANUGERAH TANDAS BERSIH 1MALAYSIA**

- Dalam usaha mewujudkan tandas bersih di negara ini, pertandingan “Anugerah Tandas Bersih 1Malaysia 2011” telah diwujudkan.
- Pertandingan ini telah diadakan bagi tempoh 13 Jun 2011 hingga 22 Julai 2011.
- Penyertaan yang diterima adalah sebanyak 250 penyertaan yang terdiri daripada 11 kategori iaitu:
  1. Tandas Pihak Berkuasa Tempatan – Majlis Daerah
  2. Tandas Pihak Berkuasa Tempatan – Majlis Bandaraya/Perbandaran
  3. Tandas Pejabat Kerajaan
  4. Tandas Sekolah Rendah
  5. Tandas Sekolah Menengah
  6. Tandas Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta
  7. Tandas Restoran
  8. Tandas Kawasan Pelancongan
  9. Tandas Pusat Beli Belah
  10. Tandas Hentian Pengangkutan Awam
  11. Tandas Stesen Minyak
- Matlamat utama pertandingan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada PBT dan pemilik-pemilik tandas awam yang telah menjaga kebersihan tandas awam mereka dengan baik, lantaran menjadi model tandas bersih kepada tandas-tandas yang lain.
- Pemilihan pemenang bagi pertandingan ini telah dinilai berdasarkan borang pemarkahan pengauditan.
- Calon-calon tandas awam tersebut telah diadili oleh sebuah Jawatankuasa “Anugerah Tandas Bersih - 1Malaysia 2011” yang terdiri daripada wakil KPKT, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan.
- Untuk tahun ini, hadiah hanya akan diberikan kepada 10 kategori pertandingan sahaja kerana untuk kategori stesen minyak, kebersihan tandas bagi kategori tersebut tidak mencapai tahap yang memuaskan juri pertandingan.
- Hadiah untuk para pemenang adalah merupakan wang tunai, plak dan sijil.

- Bersempena dengan Sambutan ini, di tapak majlis ini juga diadakan pameran barangan pengeluaran tandas dan produk-produk kesihatan persekitaran.
- Ia bertujuan untuk memberikan informasi pendidikan kepada peserta seminar dan orang awam mengenai kepentingan persekitaran yang bersih dan berkualiti terhadap kehidupan manusia.

**lanjut kertas Untuk mendapatkan  
maklumat kerja yang dibentangkan,  
sila email kepada  
[jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my)**

### **Seminar Kebersihan Tandas Awam 1Malaysia**

- Sebanyak 3 kertas kerja berkaitan isu kebersihan tandas awam dikupas secara menyeluruh.
- Antara tajuk kertas kerja yang dibentangkan ialah
  - “Kerjasama NGO Bersama Agensi Kerajaan Untuk Program Kempen Tandas Bersih” oleh Tuan Syed Mohd Jala Loi Lail(Persatuan Bilik Air Berkualiti (QRAM)
  - “Pencucian Dan Peyelenggaraan Tandas Yang Berkesan” oleh En Nordin Bin Miswan(Syarikat Denai Biru Sdn Bhd)
  - “Dari Perspektif PLUS Dalam Menyediakan Tandas Awam Yang Selesa Kepada Pengguna” oleh Cik Renee Aziz Ahmad (Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) Berhad).

---

\_\*\*\*\*\*\_